

Sambutan Cabaran Inovasi STEM menggalakkan

KUCHING 29 Julai - Menyedari kepentingan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) untuk pembangunan generasi muda dan masa depan negara, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) mengambil inisiatif memperluaskan Program Cabaran Inovasi STEM ke Sabah dan Sarawak tahun ini.

Sebelum ini, program kolaborasi antara Tabung Haji dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah kendalian Berkat Minda Resources yang diperkenalkan pada tahun lalu itu hanya membabitkan penyertaan peserta dalam kalangan pelajar tingkatan satu hingga tiga di empat zon di Semenanjung Malaysia.

Pengurus Kanan Bahagian Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Noorazmima Ismail berkata, pertandingan yang menggalakkan pelajar untuk melahirkan pelbagai idea dan kreativiti dalam melahirkan sumber tenaga baharu itu ternyata mendapat sambutan menggalakkan apabila pertama kali diperkenalkan tahun lalu.

"Kita menyedari ramai pelajar takut untuk menceburi STEM sedangkan peluang dan pasaran kerja dalam bidang itu pada masa depan cukup luas di negara ini.

"Melalui pertandingan ini, kita

menggalakkan pelajar melahirkan kreativiti dan belajar konsep menarik tentang STEM agar mereka tertarik untuk mengambil bidang ini apabila memasuki tingkatan empat, seterusnya ke peringkat pengajian tinggi pada masa depan," katanya berucap merasmikan majlis penutupan Pertandingan Cabaran Inovasi STEM 2018 Peringkat Zon Sarawak di Pusat Latihan Islam Sarawak, Telaga Air di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pensyarah UKM merangkap Pengerusi Pembudayaan STEM UKM, Prof. Dr. Mohamad Sattar Rasul; Timbalan Pengarah Tabung Haji Sarawak, Mohammad Salim dan Pengarah Urusan Berkat Minda Resources, Mahmood Mat Ali.

Mengulas lanjut mengenai pertandingan itu, Noorazmima berkata, peserta yang layak mengambil bahagian merupakan ahli Kelab Tabung Haji (TaHA) dan bagi Sarawak, program pertama kali diperkenalkan ini disertai oleh 25 sekolah yang dipilih membabitkan 400 pelajar.

Katanya, tiga sekolah yang dipilih sebagai pemenang di Sarawak iaitu tempat pertama, Sekolah Menengah (SM) Sains Kuching, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh

Hj. Othman Abd. Wahab (kedua) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Lintang (ketiga) akan mewakili negeri ini untuk bertanding di peringkat kebangsaan yang berlangsung pada 9 hingga 13 November ini.

"Kita akan melihat keputusan dan sambutan pada tahun ini. Jika ada pelajar yang menang pertandingan terus maju dalam STEM dan memilih bidang ini semasa memasuki tingkatan empat, Tabung Haji akan mencadangkan pertandingan ini diadakan secara tahunan," katanya sambil memberitahu bermula tahun ini, program sama turut diperkenalkan kepada murid sekolah rendah tetapi hanya di Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, Mohamad Sattar ketika ditemui memberitahu, pihaknya memberi perhatian terhadap program STEM kerana menyedari Malaysia masih kekurangan pakar dalam bidang terbabit iaitu hanya memiliki 25 hingga 35 peratus ketika ini, berbanding sasaran 60 hingga 70 peratus.

Beliau berkata, kekurangan pakar STEM menyebabkan tenaga mahir warga asing seperti jurutera daripada Taiwan, Bangladesh dan India terpaksa dibawa masuk untuk bekerja di negara ini.



MOHAMAD SATTAR RASUL (tiga dari kanan) para pelajar menyiapkan projek mereka ketika Pertandingan Cabaran Inovasi STEM 2018 Peringkat Zon Sarawak di Kuching, semalam. Turut sama, **Mahmood Mat Ali** (dua dari kanan). - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA